

# Tindakan Najib lantik peguam saat akhir dipersoal

## Cubaan bekas Perdana Menteri didakwa ganggu proses keadilan

Oleh **Ahmad Johari Mohd Ali**  
ajohari@bh.com.my

**Putrajaya:** Rayuan akhir Datuk Seri Najib dalam kes penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd menjadi serba tidak kena selepas bekas Perdana Menteri itu mengambil keputusan mengubah haluan dengan melantik peguam baharu, Mahkamah Persekutuan diberitahu, semalam.

Timbalan Pendakwa Raya Kanan, Datuk V Sithambaram dalam hujahannya, mempersoalkan mengapa Najib hanya menukar peguam pada saat akhir sebelum rayuan akhir didengar di Mahkamah Persekutuan yang bermula pada 16 Ogos tahun lalu.

Sithambaram berkata, Najib memberikan alasan bahawa beliau menukar peguam kerana mahukan perspektif baharu dalam rayuan akhirnya, bagaimanapun apa yang diujahkan ketika itu hanya dakwaan semata-mata terhadap hakim Mahkamah Tinggi ketika itu, Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali yang mendengar kesnya.

"Jika bukan kerana tindakan beliau menukar haluan di pertengahan kes, saya tidak fikir kita semua akan berada di sini hari ini (semalam) untuk mendengar permohonan semakan terhadap keputusan Mahkamah Persekutuan yang menolak rayuan akhirnya.

"Walaupun tertuduh ada hak untuk memilih peguam, peguam yang dipilih pula hendaklah bersedia dan sanggup untuk mewakilinya pada hari yang sudah ditetapkan... dan bukannya dengan menukar peguam yang tidak bersedia kerana ia akan 'membuka pintu' kepada semua orang selepas ini untuk membuat perkara sama.

"Mereka berusaha untuk menukar haluan di pertengahan kes dan menukar peguam ketika rayuan akhir akan didengar...Alasan bahawa tempoh empat bulan tidak mencukupi untuk membuat persediaan, bukan satu alasan, ini mengganggu proses keadilan," katanya.

Sithambaram berkata demikian dalam hujahan terhadap permohonan semakan Najib bagi mengetepikan keputusan Mahkamah Persekutuan pada 23 Ogos tahun lalu yang menolak rayuan akhir kes SRC, sekali gus mengekalkan sabitan dan hukuman 12 tahun penjara serta denda berjumlah RM210 juta yang dikenakan terhadapnya.

Pada Julai tahun lalu, Najib yang mengesahkan pelantikan pasukan peguam baharu untuk

mewakilinya dalam rayuan akhir SRC, berkata keputusan itu diambil kerana beliau yakin ia akan memberikan perspektif berbeza dalam pembelaan rayuan berkenaan.

Bekas Ahli Parlimen Pekan itu berkata, penukaran barisan peguam itu dilakukan selepas Mahkamah Tinggi menolak permohonannya supaya Queen's Counsel (peguam kanan dari United Kingdom), Jonathan Laidlow diterima masuk untuk mewakilinya.

Najib memberhentikan khidmat barisan peguam diketuai Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dan melantik firma guaman Tetuan Zaid Ibrahim Suffian TH Liew & Partners (ZIST) sebagai peguamcara dan Kaunsel (peguam), Hisyam Teh Poh Teik sebagai peguam utama serta Liew Teck Huat dan Rueben Mathiaravanam sebagai peguam bersama.

Sementara itu, Sithambaram berkata, keputusan Mahkamah Persekutuan dalam rayuan akhir itu tidak menunjukkan terdapat bukti bahawa berlakunya ketidakadilan, penyalahgunaan proses mahkamah atau ia dicemari bahaya yang jelas akan berlaku keputusan berat sebelah.

Oleh itu, Sithambaram memohon supaya panel lima Hakim Mahkamah Persekutuan menolak semakan itu dengan alasan ia tidak mempunyai sebarang merit.